



**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**  
MENARA MPKj  
JALAN CEMPAKA PUTIH  
OFF JALAN SEMENYIH  
43000 KAJANG  
SELANGOR DARUL EHSAN

TELEFON : +603-8737 7899, +603-8737 1789  
FAKS : +603-8737 7897, +603-8737 5975  
HOTLINE : +603-8736 8017, +603-8733 5743  
: 1-800-88-6755

*selangorku*

“ BERETIKA KEHIDUPAN BERKUALITI ”

**SENARAI EDARAN SEPerti LAMPIRAN.**

Tuan / Puan,

Ruj. Tuan :  
MPKj.OSC/600-37173 Jilid 47 (9)  
Ruj. Kami : .....  
Tarikh : **8** April 2021

**MAKLUMAN KEPUTUSAN MESYUARAT  
JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BIL. 7/2021 – 5 APRIL 2021**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat telah menimbang dan bersetuju dengan keputusan seperti berikut:

**Lulus**

(Tertakluk keputusan mesyuarat seperti di lampiran)

**Lulus Dengan Pindaan**

(Pihak tuan diberi tempoh 28 hari untuk mengemukakan semula pelan pindaan. Sekiranya ketetapan mematuhi syarat tidak dipenuhi, Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) berhak untuk menolak permohonan ini)

**Lulus Dengan Pindaan; Pelanjutan Tempoh Pematuhan**

(Tertakluk keputusan mesyuarat seperti di lampiran)

**Tolak**

(Permohonan baru boleh dikemukakan semula jika masih ada keperluan)

3. Bersama-sama ini disertakan makluman keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) bagi permohonan tuan seperti dilampirkan.

4. Dimaklumkan bahawa surat ini merupakan makluman keputusan mesyuarat sahaja dan **bukan surat kelulusan rasmi**. Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh jabatan teknikal dalaman (ATD) yang berkaitan setelah mendapat ulasan daripada semua jabatan teknikal yang terlibat dan pemohon mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

5. Pihak Tuan / Puan juga tidak dibenarkan memulakan sebarang kerja di tapak tanpa surat kebenaran dan kelulusan daripada pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

Sekian, harap maklum.

“ SELANGOR MAJU BERSAMA ”  
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,

**(EGNA FRANCIS GITOM)**  
Pegarah  
Unit Pusat Setempat (OSC)  
b.p. Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kajang

**MAKLUMAN KEPUTUSAN MESYUARAT  
JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BIL. 07/2021 – 05HB. APRIL 2021**

<b>Bil : PB 107 / 2021 KEBENARAN MERANCANG</b>
--

No. Fail : MPKj.JPP/BPB/KM4/5-2021  
No. Fail OSC : **MPKj.OSC/A13/4/15-2021**  
Tajuk Permohonan : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Kompleks Masjid Bandar Tasik Kesuma Di Atas Lot PT 11747, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. (ID : MPKJ-KM20210316-001)  
Pemohon : **Tetuan Jawatankuasa Pembinaan Masjid Bandar Tasik Kesuma & Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)**  
Perunding : Juruasli Planning & Consultancy  
MPP Zon : MPP Zon 23 – Encik Samsol Bin Bahari  
Taman Berhampiran : Bandar Tasik Kesuma  
Keputusan : **Lulus Dengan Pindaan; Perlu Mematuhi Syarat-Syarat Ditetapkan.**

1. Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj.
  - *Tiada halangan dengan syarat seperti berikut :*
    - a. Menaiktaraf dan membina jalan 66 kaki di bahagian timur tapak sehingga ke Persiaran Tasik Kesuma.
    - b. Menyediakan anjakan bangunan 40 kaki pada bahagian hadapan yang menghadap jalan dan 20 kaki pada bahagian yang bersempadan lot lain.
    - c. Menyediakan kemudahan tempat letak kenderaan seperti berikut :
      - i. Tempat Letak Kenderaan (TLK) : 1 Petak TLK / 15mp ruang solat
      - ii. Tempat Letak Motorsikal (TLM) : 1 Petak Motorsikal / 15mp ruang solat
      - iii. Pentadbiran : 1 Petak TLK / 46.5m (500kp) + 20% TLK untuk pelawat + 2% OKU
    - d. Menyediakan kemudahan untuk Golongan Kurang Upaya dengan mematuhi *Universal Design Guidelines*.
    - e. Menyediakan komponen kemudahan bagi pembangunan masjid seperti berikut:
      - i. Pejabat imam, kadi dan bilik mesyuarat
      - ii. Ruang pungutan zakat
      - iii. Perpustakaan
      - iv. Laluan pejalan kaki
      - v. Kawasan landskap
      - vi. Kafeteria
      - vii. Dewan serbaguna
      - viii. Bilik / stor pengurusan jenazah
      - ix. Tempat mengambil air sembahyang lelaki dan perempuan
      - x. Kemudahan Golongan OKU
      - xi. Asrama / Kuarters

- f. Menyediakan kiosk untuk aktiviti perniagaan niaga seperti kafeteria, kantin dan kedai cenderamata di luar bangunan masjid.
  - g. Menyediakan 5% tanah lapang, landskap dan rekreasi.
  - h. Menyediakan 10 kaki (3.1 meter) *perimeter planting* di sekeliling kawasan masjid dan boleh dikira dalam kawasan anjakan bangunan.
  - i. Mendapatkan pengesahan arah kiblat daripada Jabatan Mufti Negeri Selangor.
  - j. Mendapatkan dan mematuhi ulasan daripada jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan sebelum surat kelulusan kebenaran merancang dikeluarkan
2. Jabatan Kejuruteraan, MPKj.
    - Sokong dengan syarat
  3. Jabatan Kawalan Bangunan, MPKj
    - Sokong dengan syarat
  4. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan, MPKj
    - Ulasan; 1 hingga 16 - (ulasan online bertarikh 26.03.2021)
  5. PLANMalaysia@Selangor
    - Tiada halangan dengan syarat; 4 hingga 7 - (ulasan online bertarikh 19.03.2021)
  6. Pejabat Tanah / Daerah Hulu Langat
    - Tiada halangan dengan syarat; 2.1 hingga 2.3 - (ulasan online bertarikh 22.03.2021)
    - Tiada halangan dengan syarat; 2.1 hingga 2.3 - (surat bertarikh 23.03.2021)
  7. Jabatan Pengairan dan Saliran
    - Ulasan; 1 hingga 2 - (ulasan online bertarikh 23.03.2021)
    - Sokong dengan syarat
  8. Pengurusan Air Selangor
    - Tiada halangan dengan syarat; (i) hingga (iii) - (ulasan online bertarikh 29.03.2021)
  9. Indah Water Konsortium
    - Tiada halangan ke atas cadangan pembangunan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat di Lampiran 1 - (ulasan online bertarikh 25.03.2021)
    - Tiada halangan ke atas cadangan pembangunan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat di Lampiran 1 - (surat bertarikh 25.03.2021)
  10. Tenaga Nasional Berhad
    - Tiada halangan dengan syarat; 1 hingga 8 - (ulasan online bertarikh 29.03.2021)
  11. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
    - Tiada halangan dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh pemberi perkhidmatan yang dilantik - (ulasan online bertarikh 23.03.2021)

**Surat kelulusan rasmi Pelan Kebenaran Merancang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj setelah semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan-jabatan teknikal dipatuhi.** Pihak tuan tidak dibenarkan memulakan sebarang kerja di atas tapak tanpa surat kelulusan daripada Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj.

Dikeluarkan oleh:

Unit Pusat Setempat,  
Majlis Perbandaran Kajang.

## SENARAI EDARAN

1. Tetuan Jabatan Agama Islam Selangor,  
Bangunan Sultan Idris Shah,  
Tingkat 1, Menara Selatan,  
Persiaran Masjid, Seksyen 5,  
**40676 SHAH ALAM.**  
MPKj.OSC/A13/4/15-2021
2. Juruasli Planning & Consultancy,  
No. B-3-1, & B-3-2,  
Jalan 12/144A,  
Taman Bukit Cheras,  
**56000 KUALA LUMPUR.**
3. Jabatan Perancangan Pembangunan, MPKj.